

05 MAR 2000

Umno-Ku Li

UMNO GRIK CALON KU LI NAIB PRESIDEN

GRIK, 5 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Grik mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah untuk merebut jawatan Naib Presiden parti pada pemilihan Mei ini.

Pencalonan yang dibuat pada mesyuarat perwakilan bahagian itu di sini hari ini merupakan pencalonan pertama untuk Tengku Razaleigh bagi jawatan itu.

Bahagian itu, yang pertama di Perak menjalankan mesyuarat perwakilan, membuat keputusan itu selaras dengan cadangan oleh tiga Menteri Besar supaya Tengku Razaleigh dicalonkan sebagai Naib Presiden bagi mengekalkan perpaduan dalam parti itu.

Selain Tengku Razaleigh, bahagian Grik juga mencalonkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman untuk dua lagi kerusi Naib Presiden.

Bagi jawatan Presiden, bahagian itu mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad manakala untuk Tinbalan Presiden ia mencalonkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Jumaat lepas, Menteri Besar Perlis Tan Sri Shahidan Kassim menyatakan bahawa beliau dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain membuat persetujuan untuk mencadangkan kepada bahagian Umno di negeri masing-masing supaya mencalonkan Tengku Razaleigh untuk jawatan Naib Presiden.

Tajol Rosli yang juga Ketua Bahagian Umno Grik berkata pencalonan Tengku Razaleigh sebagai naib presiden diharap dapat memastikan beliau terus berada dalam perjuangan parti di sampign menjamin keutuhan parti.

Jika boleh, katanya, cadangan Umno Bahagian Batu Gajah tempoh hari supaya jawatan naib presiden diberikan secara tanpa bertanding kepada Tengku Razaleigh dan Najib, dapat diterima oleh semua bahagian kerana ianya dapat menyelesaikan banyak masalah dalam parti.

"Lebih baik (anggota Umno) terima hakikat bahawa perpaduan lebih penting daripada kemenangan individu dalam pertandingan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian itu.

-- BERNAMA

HK NMO